

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM JILID 36 ■ BIL. 1/2022 ■ JANUARI - APRIL | ISSN 2231-8321

Program

2022



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatanmuziummalaysia



www.jmm.gov.my

Dari Meja KETUA PENGARAH

Asalamualaikum wbt,

Fokus kita di tahun 2022 ialah menjurus kepada usaha untuk pemulihan dan meletakkan muzium di tempat yang lebih baik dari sebelum ini. Pengalaman yang lepas banyak mengajar dan mematangkan kita. Saya kagum dengan muzium-muzium kita walaupun berada dalam tempoh pandemik, mampu mencari alternatif lain, membangunkan inovasi dan terus berusaha memainkan peranannya dalam menyampaikan maklumat dan informasi kepada masyarakat.

Dalam rangka pemulihan, kita mensasarkan beberapa muzium akan dinaiktaraf dari segi fizikal dan naratifnya. Selain itu, pameran-pameran sementara juga turut dirancang disamping program-program 'signature' yang akan dikembangkan sebagai produk-produk pelancongan yang menarik. Keutamaan juga akan diberi kepada pendigitalan dan teknik-teknik baru dalam pengoperasian muzium. Inovasi terkini turut diteruskan bagi membawa kelainan dan melonjakkan 'curiosity' khalayak.

Tidak ketinggalan fungsi muzium sebagai agen pendidikan tidak formal akan dikembangkan sejajar dengan tema Hari Muzium tahun ini iaitu Keunggulan Muzium (*The Power of Museums*). Pendidikan sangat penting kepada muzium dan JMM akan terus menggalakkan penyertaan pelajar dan sekolah ke muzium melalui 1P1M (Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium), menjadikan muzium sebagai tempat rujukan bagi penuntut universiti dan seterusnya meletakkan muzium dan komuniti dalam libat urus yang membawa faedah bersama.

Selamat Tahun Baru 2022.

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia


Editorial

Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



Program
2022



RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN

Majlis Pelancaran Kalendar Acara
2022 Jabatan Muzium Malaysia

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

PENYELARAS

Rozlinah binti Ismail
Hamidah binti Mohd Tahir
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000, (+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
<https://www.jmm.gov.my>

DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd
No.50 &52A, Jalan Seri Aman,
Taman Seri Aman,
43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.
Berita ini boleh dimuat turun daripada
laman web JMM.

KANDUNGAN

JILID 36 / BIL.1 / 2022 JANUARI-APRIL

MAJLIS PELANCARAN
KALENDAR ACARA 2022,
LAMAN WEB MUZIUM NEGARA
DAN APLIKASI MUDAH ALIH
MUZIUM NEGARA AR

4 - 5



PAMERAN PERANG MUSUH BISIK (1821 – 1842)

6

PAMERAN MENELUSURI JEJAK TENGKU MENTERI NGAH
IBRAHIM

7

PAMERAN SEMPENA
PROGRAM CITRAWARNA
KELUARGA MALAYSIA 2022



8

BENGKEL KONVENTSYEN PERMUZIUMAN KEBANGSAAN
2022, KUANTAN, PAHANG

9

BENGKEL PEMANTAPAN KONSEP MODUL DASAR
PERMUZIUMAN NEGARA DAN GARIS PANDUAN

10

PROGRAM RETRO SI CILIK @ MEDM

11

PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2022

12

PROGRAM SINGGAH SANTAI MUZIUM CHIMNEY

13

PROGRAM PENYEDIAAN
BUBUR BANGING MAKANAN
TRADISI MASYARAKAT
KADAYAN DI LABUAN



14

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH DAN PEGAWAI-
PEGAWAI JMM KE PROTON TANJUNG MALIM,
PERAK DARUL RIDZUAN

15

BERITA BERGAMBAR

16 - 17

BICARA@MUZIUM SEMPENA PERHIMPUNAN WARIS
NGAH IBRAHIM 2022

18

BICARA @ MUZIUM
PENGENALAN ALAT-ALAT
MUZIK TRADISIONAL
MALAYSIA : ALAT MUZIK
GAMELAN SIRI 1 & SIRI 2

19



BICARA @ MUZIUM PENEMUAN KALAM SEMAH PERLIS
DI GUA BERHALA DAN KURUNG BATANG: CERMINAN
ZAMAN PROTOSEJARAH DI PERLIS.

20

BICARA@MUZIUM SEMPENA PAMERAN PERANG
MUSUH BISIK (1821-1842)

21

BICARA@MUZIUM MERUNGKAI SEJARAH TAIPING
BANDAR WARISAN

22

BICARA KHAS “ANALISIS BIBLIOMETRIK DAN
VISUALISASI JURNAL BERKAITAN PEMUZIUMAN DI
MALAYSIA”

23

SEMBANG SANTAI: PENTINGKAH TAKSIDERMI?

24



ANYAMAN BUNGA MOYANG
DALAM BUDAYA SUKU KAUM
MAH MERI PULAU CAREY

25

KENALI KOLEKSI KACIP PINANG

26 - 27

BIOGRAFI TOKOH TERNAAMA SUNGAI LEMBING -
PHUA AH HENG J.P.

28

MESYUARAT AGUNG KALI KE-17 PERSATUAN KEBAJIKAN,
REKREASI & SOSIAL (WARIS) JMM SESI 2020-2022 DAN
MAJLIS PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BAHARU BAGI
SESI 2022-2024

29

MUZIUM@KOMUNITI MISI BANTUAN BANJIR

30

TAHKUKAH ANDA

31





MAJLIS PELANCARAN KALENDAR ACARA 2022, LAMAN WEB MUZIUM NEGARA DAN APLIKASI MUDAH ALIH MUZIUM NEGARA AR

Oleh: Yusri bin Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korpocrat

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah berjaya melancarkan Kalendar Acara 2022, Laman Web Muzium Negara dan Aplikasi Mudah Alih Muzium Negara AR pada 14 Mac 2022 bertempat di Dataran Muzium Negara. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Pelancaran Kalendar Acara JMM 2022 menyaksikan 155 program dan aktiviti merangkumi 8 pameran, 22 program signature dan 125 aktiviti pengembangan muzium. Didalam aktiviti pengembangan muzium ini, turut melibatkan sebanyak 57 bicara muzium, 39 jangkauan dalam (*inreach*) dan 29 jangkauan luar (*outreach*).

Dalam ucapan beliau menyatakan bahawa tahun 2022 kita semua masih lagi perlu mendepani cabaran pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, perkara ini, tidak mematahkan semangat. Malah setiap Jabatan dan Agensi di bawah MOTAC dilihat begitu aktif dan kreatif dalam mengadakan pelbagai program dan aktiviti bersesuaian dengan keadaan semasa, mengikut SOP yang

ditetapkan. Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk penutupan operasi muzium dan penangguhan atau pembatalan program-program yang telah dirancang, JMM berjaya melaksanakan sebanyak 69 daripada 133 buah program tahun lalu. Rekod ini walaupun tidak mencapai sasaran JMM, namun melibatkan komitmen seluruh warga JMM dalam meningkatkan visibiliti institusi permuziuman sebagai hab kebudayaan, yang mengadunkan elemen warisan dan teknologi di negara ini. Usaha-usaha sebegini diharap dapat menyumbang kepada pemulihan ekonomi industri pelancongan negara.

Pengoperasian semula muzium-muzium secara berfasa bermula dari 7 Ogos 2021, menyaksikan kunjungan melebihi 47,000 pelawat dalam tempoh tiga bulan sehingga 24 Oktober 2021. Kalendar acara bagi tahun ini telah disusun dengan pelbagai program dan aktiviti yang cukup menarik dan diharap dapat dilaksanakan dengan jayanya. Program-program *signature* JMM seperti Sambutan Hari Muzium



Antarabangsa, Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM), *Museum Night Trail*, Semarak @ Muzium, Merdeka @ Muzium dan Nostalgia Anak Kampung merupakan antara program yang dinantikan oleh para pengunjung saban tahun.

Menyentuh Laman Web Muzium Negara dan Aplikasi Mudah Alih Muzium Negara AR, beliau turut menekankan tentang Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang merupakan dasar negara yang menyeluruh bagi memacu usaha bersepadu dalam mentransformasi pembangunan sosioekonomi negara melalui penggunaan teknologi yang beretika dan menyokong dasar-dasar pembangunan negara seperti RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. Perkhidmatan




kesenian, hiburan dan rekreasi merupakan antara sektor sokongan kepada dasar ini. Oleh yang demikian, MOTAC sangat menyokong sebarang usaha yang berteraskan elemen teknologi untuk memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan. Kandungan teknologi realiti terimbuh (*augmented reality*) yang dibangunkan melalui aplikasi Muzium Negara AR, adalah antara teknologi terkini yang boleh diterokai oleh setiap Jabatan dan Agensi di bawah MOTAC. Sekalung tahniah diucapkan kepada JMM amnya dan Muzium Negara khususnya, kerana telah berani meneroka teknologi untuk memberikan pengalaman baharu kepada para pengunjung muzium. Pengalaman AR ini hanya boleh dirasai oleh pengunjung yang melawat ke Muzium Negara sahaja, kerana kita ingin menggalakkan orang ramai untuk merasai pengalaman AR ini di muzium itu sendiri. Pengunjung perlu memuat turun aplikasi sebelum atau semasa berkunjung ke Muzium Negara dan mengimbas penanda QR yang tersedia untuk merasai pengalaman tersebut. Muzium Negara AR beroperasi dengan persekitaran sistem Android 7.0

dan iOS 12 ke atas dan telah sedia untuk dimuat turun melalui pelantar *Google Play*, *App Store* dan *Huawei AppGallery*.

Wajah baharu laman web Muzium Negara dibangunkan bagi membantu pengunjung untuk mendapatkan maklumat berkaitan Muzium Negara. Pihak JMM diharap dapat melangkah lebih jauh lagi dengan meneroka teknologi yang lebih ke hadapan seperti realiti maya, percetakan 3D, perkomputeran awan dan analitis data raya (BDA) kerana elemen-elemen inilah yang menjadi pemungkin kepada kelancaran penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim turut menaruh harapan yang tinggi agar semua program yang telah dirancang pada tahun ini berjaya dilaksanakan serta mencapai objektif yang disasarkan. JMM sentiasa berusaha mencari kaedah dan pendekatan yang terbaik untuk terus menyampaikan perkhidmatannya kepada orang ramai tanpa mengabaikan prosedur



operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. Sama-sama kita mendoakan agar negara kita kembali pulih seperti sediakala. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBrs. Dr. Tan Awang Besar, Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan, YBrs. Encik Mohamad Azlan bin Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Istana Budaya, YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM, Pengarah-pengarah Muzium Negeri, pegawai kanan muzium serta media jemputan.

PAMERAN PERANG MUSUH BISIK (1821 - 1842)

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

Perang Musuh Bisik merupakan sejarah yang paling diingati oleh rakyat Kedah kerana ia merupakan perperangan terbesar yang berlaku di antara negeri Kedah, Siam (Thailand) dan Britain. Pada 1 Mac 2022 bertempat di ruang pejabat, Muzium Kota Kuala Kedah telah berlangsungnya Pameran Perang Musuh Bisik (1821-1842) dengan matlamat untuk mendedahkan kepada masyarakat setempat mengenai perperangan yang telah mengorbankan antara 20,000 hingga 30,000 orang Melayu dan harta benda termasuklah tanah jajahan negeri Kedah sendiri.

Perang Musuh Bisik berlaku pada 12 November 1821 semasa zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1803-1845). Peperangan yang berlangsung di Kota Kuala Kedah ini disebabkan perebutan kawasan tadbir dalam kalangan anak-anak Sultan Abdullah II. Raja Ligor tidak dapat menerima kedudukan Sultan Kedah yang setaraf dengannya setelah Kedah berjaya menawan negeri Perak pada tahun 1818. Kedah turut menghantar bunga emas dan perak kepada Burma. Surat Raja Burma yang dirampas oleh Lim Hoi seorang pedagang dari Macau menjadi bukti utama kepada Raja Ligor untuk menyerang Kedah. Sultan Kedah pada ketika itu tidak mengetahui serangan yang berlaku di Kuala Kedah menyebabkan tentera Kedah tidak bersedia.

Perang Musuh Bisik juga menyaksikan penentangan oleh Tunku Kudin. Tunku Kudin telah melancarkan serangan ke atas Kota Kuala Kedah sejak tahun 1829, namun tidak berjaya. Pada 24 April 1831 angkatan Tunku Kudin telah mencapai kemenangan sehingga mara ke Singgora (Songkla), namun terpaksa berundur dan berpatah balik ke Kota Kuala Kedah disebabkan tentera yang datang dari Bangkok. Pada 4 Oktober 1832, pasukan Tunku Kudin seramai 1255 orang (655 lelaki dan 600 wanita) telah dikepung selama 3 bulan dan berjaya dikalahkan dan hampir kesemua mereka terbunuh. Tentera Kedah yang masih hidup ditawan dan dibawa ke Ligor. Pada 24 Mac 1838 bermulalah kempen di mana Tunku Muhammad Saad berjaya mengumpul 15,000 hingga 20,000 tentera dari seluruh negeri Melayu Semenanjung termasuklah Sumatera, Borneo dan Pulau Jawa. Tunku Muhammad Saad telah dibantu oleh Dato Wan Muhammad Ali (Wan Mali) dari Langkawi, Tunku Muhammad Taib dan Tunku Muhammad Akib dari Setul, Syed Hussein dan Wan Muhammad Arsyad dari Kayang, Tunku Abdullah, Tunku Sulaiman, Syeikh Abdul Samad Palembani, Tok Mo Ris dari Kubur Panjang, Pendang, Dato Syahbandar Wan Daud dari Pulai, Baling dan Dato Madi dari Bandar Baru Kedah. Pihak British telah membantu Siam dengan menghantar kapal Hyacinth, Emerald dan Pearl mengepung Kota Kuala Kedah. Pada 3 Ogos 1838 para pejuang Kedah telah melakukan serangan dengan lebih agresif dan berjaya menawan semula Perlis, Satun dan Trang. Peperangan berlanjutan selama setahun sehingga Singgora dan angkatan Melayu Pantai Barat bergabung dengan Patani, Kelantan dan Terengganu namun akhirnya ditewaskan setelah Bangkok menghantar bantuan. Pasukan Melayu berpecah dan berundur ke negeri masing-masing. Pasukan tentera Kedah berundur semula sehingga ke Kota Kuala Kedah. Pada 20 Mac 1839 Kota Kuala Kedah dan Kota Kuala Muda ditawan semula oleh Siam dan menamatkan kebangkitan kedua Kedah.



Selepas beberapa siri perbincangan di antara pihak Kedah, Siam dan British akhirnya pada tahun 1842 Rama III bersetuju memulangkan Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin II. Namun begitu Kedah dipecahkan kepada 4 bahagian iaitu Kedah, Kubang Pasu, Perlis dan Setul.

Perang Musuh Bisik telah mendatangkan kesan yang mendalam kepada negeri Kedah dimana terdapat pelbagai bentuk penyiksaan yang dikenakan ke atas orang-orang Melayu sepanjang tempoh pendudukan Siam di Kedah. Antara penyiksaan yang dikenakan ialah memasak banduan hidup-hidup di dalam pokok yang berlubang dengan keadaan mangsa dibogelkan dan tangan terikat ke belakang. Selain itu madu turut dilumurkan ke atas badan mangsa dan kemudiannya mereka diikat ke pokok yang mempunyai serangga yang berbisa dan mangsa dipukul hingga mati.

Selepas tamatnya Perang Musuh Bisik Kedah kehilangan beberapa wilayahnya. Negeri Perlis telah diserahkan kepada Syed Harun Jamalullail yang kemudiannya menjadi Raja Perlis pertama. Kota Kuala Kedah yang merupakan pusat perdagangan antarabangsa telah musnah akibat serangan pada tahun 1821 dan diduduki Siam sehingga tahun 1842.

Pameran ini turut mempamerkan beberapa artifak dan koleksi seperti meriam, terakol, istinggar, panji kemenangan Syeikh Abdul Samad Palembangi, naskah Perjanjian Burney, pakaian pahlawan Melayu dan lain-lain.

Pameran yang diadakan secara kerjasama dengan QATAHA, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan Muzium Negeri Kedah ini berlangsung selama 3 bulan. Pameran ini diharap dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam mengenang perjuangan orang Melayu pada zaman dahulu dalam mempertahankan tanahair.

PAMERAN MENELUSURI JEJAK TENGKU MENTERI NGAH IBRAHIM

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

Muzium Matang telah mengorak langkah membuka sebuah galeri baharu iaitu Rumah Pengawal Keselamatan Ngah Ibrahim atau lebih dikenali sebagai rumah Kapten Speedy menerusi penganjuran Pameran "Menelusuri Jejak Tengku Menteri Ngah Ibrahim". Tengku Menteri Ngah Ibrahim merupakan seorang pejuang kemerdekaan dan tokoh yang membina Kota Ngah Ibrahim pada tahun 1858 yang kini dijadikan sebagai Muzium Matang.

Sejajar dengan temanya Menelusuri Jejak Tengku Menteri Ngah Ibrahim, pameran ini memberi fokus kepada pengisahan Kota Ngah Ibrahim. Pameran ini juga memperlihatkan catatan peristiwa bersejarah kepada negara berkaitan Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan beliau.

Sesuatu yang sangat menarik berkaitan pameran ini ialah ia menampilkan artifak-artifak bersejarah yang tidak pernah dipamerkan di mana-mana pameran sebelum ini. Sebahagian artifak adalah yang ditemui melalui kerja-kerja arkeologi yang pernah dijalankan di Kota Ngah Ibrahim.

Berdasarkan kepada analisa jumpaan artifak yang ditemui, pengunjung akan mendapat penjelasan berkaitan sejarah dan fungsi Kota Ngah Ibrahim serta peristiwa-peristiwa yang berlaku secara umum.

Antara artifak yang dipamerkan adalah seperti:

- Jumpaan arkeologi duit syiling Melayu bercap ayam jantan, duit Belanda, duit British (Negeri-negeri Selat), duit India dan duit China.
- Jumpaan arkeologi peluru jenis timah dan besi.
- Jumpaan arkeologi kalam batu.
- Jumpaan arkeologi tulang, gigi dan ladam kuda.
- Jumpaan arkeologi serpihan seramik yang berasal dari negara Cina dan British.
- Jumpaan arkeologi tengkorak manusia.
- Destar yang diperbuat daripada logam tembaga.
- Paip rokok, biji kopi dan tembakau
- Tahi timah dan sebagainya.

Jumpaan artifak peluru musket "Brown Bes" di Kota Ngah Ibrahim ini digunakan bersama dengan senapang jenis "musket flintlock". Senapang jenis "musket flintlock" telah digunakan secara meluas oleh tentera-tentera Inggeris sejak abad ke-18. Jumpaan ini boleh dikaitkan dengan pasukan polis (sepoi) Ngah Ibrahim diketuai oleh Kapten Speedy yang dilantik sebagai pengawal keselamatan di Larut pada tahun 1873.

Jumpaan artifak peluru dalam kuantiti yang banyak juga mengukuhkan bukti bahawa telah berlaku peristiwa tembak-menembak semasa tercetusnya peristiwa Perang Larut pada sekitar tahun 1871 hingga 1874 di mana Kota Ngah Ibrahim ini telah diserang dan ditawan oleh kumpulan kongsi gelap Ghee Hin pada tahun 1873. Jumpaan tulang dan beberapa butir gigi kuda mengukuhkan fakta bahawa Menteri Ngah Ibrahim melengkapkan kotanya dengan meletakkan pengawal keselamatan yang terdiri daripada orang Melayu dan Habsyi di samping pasukan bergajah, berkuda serta kereta lembu sebagai alat pengangkutan.

Bergitu juga dengan jumpaan serpihan seramik dan duit syiling yang dikaitkan dengan hubungan perdagangan dengan negara luar. Seterusnya jumpaan artifak kalam batu pula dikaitkan dengan penggunaan rumah Ngah Ibrahim sebagai Maktab Perguruan Melayu pertama di negeri Perak sekitar tahun 1913 - 1922. Jumpaan tahi timah dikaitkan dengan perusahaan bijih timah yang diasaskan oleh Ngah Ibrahim dan pembinaan landasan keretapi untuk mengangut bijih timah dari Taiping ke Port Weld.

Perkembangan pesat perusahaan bijih timah di Matang menyebabkan meningkatnya kapasiti penggunaan jalan raya. Menurut laporan Kapten Speedy penggunaan kereta lembu dari Ujong Tembok ke Kelian Pauh dicatatkan sebanyak 2600 buah bagi setiap bulan antara Mei hingga Disember 1874.

Pameran yang bermula dari 26 Mac 2022 ini akan berlangsung sehingga 31 Disember 2023.



Lawatan YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia bersama ACP Haji Osman bin Haji Mamat, Ketua Polis Daerah Taiping ke pameran "Menelusuri Jejak Tengku Menteri Ngah Ibrahim".



Artifak cop mohor, bekas pen, alat komunikasi kod Morse dan gari tangan



Pakaian rasmii pemegang jawatan Orang Kaya Menteri Paduka Tuan

Segmen Pengukuhan kuasa

PAMERAN SEMPENA PROGRAM CITRAWARNA KELUARGA MALAYSIA 2022

Oleh: Norhayati binti Che Othman, Bahagian Pameran dan Pengembangan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama kerajaan Negeri Sarawak bersama jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri telah berjaya melaksanakan program Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 dari 24 hingga 27 Februari 2022 bertempat di Kuching Waterfront, Kuching, Sarawak secara fizikal melalui pembudayaan norma baharu.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri, Perdana Menteri pada 26 Februari 2022. Turut hadir ialah YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abang Abdul Rahman Johari Tun Datuk Abang Openg.

Matlamat utama program ini ialah mendekatkan masyarakat umum khususnya masyarakat di Sarawak dengan kegiatan seni budaya dan pelancongan Malaysia serta mempromosi Bandar Raya Kuching sebagai Bandar Raya Kreatif di peringkat UNESCO di bawah kategori gastronomi. Selain itu, ia turut bertujuan menyemarak ekonomi Sarawak khususnya dengan penglibatan pelbagai pihak terutamanya penggiat industri pelancongan negara.

Pelbagai pengisian menarik diadakan sepanjang program antaranya Festival Gendang Sarawak, Festival Kraf Sarawak, Peragaan Busana Kraf Tekstil Malaysia, Pameran Gastronomi, *Treasure Hunt*, Konser Sape, Muzikal Water Fountain, Pameran dan Demontrasi Food Fusion Negeri-Negeri, Seminar dan Kolokium, Bicara Komuniti Sarawak dan lain-lain. Pameran dan demonstrasi yang diadakan melibatkan 34 buah jabatan/agensi persekutuan dan negeri dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melalui pengisian yang selari dengan tema Citrawarna pada tahun ini iaitu "Temasya Kepelbagaian Budaya".

Konsep 'Keluarga Malaysia' adalah bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta ke arah membina sebuah keluarga yang utuh dalam kalangan rakyat Malaysia. Selari dengan konsep



Kunjungan hormat oleh YB Hajah Nancy, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia ke booth JMM sambil disantuni oleh Encik Shawali bin Badi, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JMM



Kerja-kerja pemasangan dan persiapan pameran



Demontrasi pembuatan pensol oleh Masyarakat Orang Asli Semai



Pengunjung sedang menguji kefahaman melalui kuiz online di booth pameran



Aktiviti di booth pameran

tersebut, Jabatan Muzium Malaysia telah mengetengahkan Pameran Alat Muzik Tradisional di samping demonstrasi khas pembuatan serta persembahan alat muzik tradisional 'pensol' oleh masyarakat Orang Asli dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Ia secara tidak langsung dapat memperkenalkan budaya dan gaya hidup masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Selain daripada persembahan dan demonstrasi pembuatan pensol oleh Encik Sali a/l Bah Nap yang mewakili masyarakat Orang Asli kaum Semai, turut diadakan sepanjang pameran berlangsung ialah kuiz online, puzzle, teka silang kata dan

mewarna sebagai aktiviti sampingan dan sokongan kepada pameran yang diadakan.

Penganjuran pameran seumpama ini dilihat dapat menyebar luas ilmu pengetahuan khususnya melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium kepada masyarakat. Tambahan pula, pemilihan Sarawak sebagai tuan rumah Citrawarna Keluarga Malaysia 2022 dianggap bertepatan kerana keunikan dan kepelbagaian 27 etnik besar yang memperlihatkan bahasa, budaya dan cara hidup yang dapat diketengahkan kepada seluruh Keluarga Malaysia.



BENGKEL KONVENTSYEN PERMUZIUMAN KEBANGSAAN 2022 KUANTAN, PAHANG

Oleh: Hamidah binti Mohd Tahir dan Juliyana binti Othman,
Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Bengkel Konvensyen Permuziuman Kebangsaan 2022 telah berlangsung bermula dari 15 Mac sehingga 18 Mac 2022 bertempat di Swiss Garden Resort, Kuantan, Pahang. Pengajuran bengkel ini adalah rentetan dari kesepakatan yang dicapai pada Mesyuarat Pra-Konvensyen Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium-Muzium Negeri di A'Famosa Resort, Melaka pada November 2021 yang lalu.

Pengisian program bagi hari pertama telah dimulakan dengan semua peserta bengkel yang terdiri daripada pengarah-pengarah Muzium Negeri, pegawai dan kaitangan JMM memenuhi jemputan daripada Perbadanan Muzium Negeri Pahang untuk lawatan berpandu dan makan malam di Muzium Sultan Abu Bakar.

Bengkel telah dimulakan dengan ucaptama oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah JMM dan beliau telah memberi penekanan kepada objektif utama bengkel iaitu bagi mendapatkan input dan mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi di peringkat Persekutuan dan Negeri serta mencapai kesepakatan dan kesefahaman berkaitan isu yang dibangkitkan untuk dibawa ke dalam Konvensyen sebenar kelak.

Empat topik utama telah dipilih dan dikenalpasti untuk dibincangkan sepanjang berlangsungnya bengkel ini. Topik 1: Kerangka *Museum New Business Model* berkenaan piawaian muzium yang merangkumi pernyataan kehendak, amalan tadbir urus baik, skop dan ruang lingkup muzium, ICOM *Ethic*, infra dan bangunan

serta penjenamaan semula yang merangkumi pertindihan fungsi, peranan dan pengisian muzium persekutuan dan negeri, keistimewaan muzium sebagai pemain utama tarikan pelancong dan fokus kepada 'outcome'/ROI. Topik ini telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Khalid bin Abd Hamid dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang bertajuk Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025 Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan.

Topik 2: Penstrukturkan dan Pengukuhan Organisasi yang membincangkan pengukuhan jawatan dan penstrukturkan organisasi berkenaan model prestasi, pelan penggantian organisasi dan *Job Description* (JD) serta pembangunan Modal Insan berkenaan pelan operasi latihan (POL), pengukuhan skim Kurator dan *subject matter expert* (SME). Topik ke 2 ini telah dibentangkan oleh Encik Azizul bin Alias daripada Bahagian Pengurusan Operasi (BPO) JPA yang bertajuk Pengenalan Kepada Pembangunan Organisasi & Pengurusan Perjawatan.

Topik 3: Pendigitalan dan Data Raya Permuziuman pula membincangkan berkenaan pendigitalan serta data raya yang merangkumi sistem integrasi koleksi, perkongsian maklumat, inventori dan statistik pengurusan data teras muzium. Untuk topik ini, YBrs. TS. Dr. Siti Istianah binti Mahdzur daripada Unit Perundingan Pengurusan Maklumat (MAMPU) telah membentangkan tajuk Pendigitalan Sektor Awam. Topik berkaitan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) dan Pelan Strategik MOTAC telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Tan Awang Besar, SU Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC.

Satu perbincangan Meja Bulat yang diketuai oleh Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM telah didakwa dan dalam sesi ini, beberapa cadangan telah diutarakan untuk hala tuju seterusnya. Secara keseluruhannya Bengkel Konvensyen Permuziuman ini telah mencapai objektif dengan sokongan penuh dari semua Pengarah Muzium Negeri. Walau bagaimanapun ia perlu disusulkan dengan pembentukan *focus working group* merentasi muzium persekutuan dan negeri mengikut isu dan cabaran yang dipersetujui.

Bengkel Pemantapan Konsep Modul Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Tahun 2022 telah diadakan dari 31 Mac hingga 2 April 2022 bertempat di Hotel LaCrista, Melaka. Peserta bengkel terdiri daripada 23 orang pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Muzium Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim berkesempatan memberi taklimat permulaan bengkel. Beliau telah mengaspirasikan misi dan halatuju sebagai teras pemantapan Konsep Modul Dasar Permuziuman Negara dan Garis Panduan Jabatan Muzium Malaysia.

Penyeliaan bengkel adalah di bawah pengurusan tertinggi jabatan yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Dasar (TKPD), Encik Mohd Shawali bin Haji Badi dan Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman, Encik Mohd Razaimi bin Hamat. Moderator sepanjang bengkel ini ialah Pengarah Bahagian Dasar dan Pembangunan, Encik Zainal bin Ariffin sementara penceramah dijemput khas dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) iaitu Encik Darul Adizul bin Ishak, Pengurus Bahagian Pembangunan dan Produktiviti dan Daya Saing dan Dr. Illisriyani Ismail, *Malaysia Productivity Corporation (MPC) Associate*.

Pengisian bengkel ini terbahagi kepada sesi ceramah dan khidmat nasihat yang disampaikan oleh pihak MPC bersama perbincangan dan pembentangan berkumpulan melibatkan 9 modul garis panduan yang telah ditetapkan. Teras modul garis panduan ini meliputi bidang Pengurusan Koleksi, Pengurusan

BENGKEL PEMANTAPAN KONSEP MODUL DASAR PERMUZIUMAN NEGARA DAN GARIS PANDUAN

Oleh: Sharipah Lok Lok binti Syed Idrus, Unit Dasar dan Perancangan Strategik



Konservasi, keselamatan muzium, pameran, penyelidikan muzium, penerbitan, kerjasama dan hubungan antarabangsa, pendidikan dan pengembangan muzium dan sukarelawan muzium. Sisipan objektif bengkel pula merangkumi pemuktamadon konsep kertas dasar dan garis panduan, pendefinisan halatuju organisasi dalam tempoh sasaran serta penganalisaan persekitaran dan faktor kejayaan yang berhasil.

Pembentangan kumpulan dan rumusan bengkel disempurnakan pada hari terakhir oleh Timbalan Ketua Pengarah Dasar Jabatan Muzium Malaysia.



PROGRAM RETRO SI CILIK @ MEDM

Oleh: Nurul Akmar binti Hamzah, Hasnah binti Osman,
Muzium Etnologi Dunia Melayu



Selepas negara dilanda wabak COVID – 19, banyak aktiviti dan kunjungan ke muzium tidak dapat dilaksanakan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun apabila menjelang peralihan Fasa Endemik, semua aktiviti dibenarkan dan Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) juga tidak melepaskan peluang untuk mengadakan aktiviti bersempena cuti sekolah.

Pada 11 Februari 2022 wakil dari Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) iaitu Puan Nik Mazielia Idura binti Nik Mohamed berkongsi maklumat dan informasi menarik mengenai "Muzium Unik Dunia Melayu" di konti Selangor. FM. Siaran program secara langsung ini diadakan selama 30 minit dan antara perkongsian bersama para pendengar ialah perancangan program yang bakal diadakan pada tahun ini termasuklah program Retro Si Cilik @MEDM, Bicara@Muzium: Melayu di Timur Tengah dan lain-lain. Perkongsian ini merupakan promosi berterusan Muzium Etnologi Dunia Melayu dalam menggalakkan pengunjung untuk melawat muzium.

Pada tanggal 19 dan 20 Mac 2022, berlangsungnya Program Retro Si Cilik @ MEDM. Program ini mensasarkan golongan kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan khusus untuk si cilik dalam menerokai dunia Melayu bersama MEDM. Program ini turut menjalankan aktiviti secara dalam talian iaitu Pertandingan Busana Tradisional Melayu di Facebook MEDM bermula dari 22 Februari – 20 Mac 2022. Seramai 46 orang peserta dari peringkat umur 4 hingga 12 tahun telah menyertai pertandingan ini. Tujuan pertandingan ini adalah untuk menambah ilmu pengetahuan kepada kanak-kanak tentang ketinggian budaya dan busana Melayu tradisional yang semakin tenggelam dengan kebanjiran busana moden. Pelbagai jenis busana Melayu tradisional yang menarik telah digayakan oleh si cilik, antaranya busana Cik Siti Wan Kembang, Puteri Perak, dan sebagainya. Barisan juri telah memilih 5 orang pemenang busana yang menepati kriteria pemakaian busana Melayu tradisional, manakala pencarian peserta popular pertandingan pula dinobatkan melalui undian tertinggi di Facebook MEDM iaitu sebanyak 1,133 LIKES.

LAWATAN DARI S.M.I.L.E KIDS, HULU LANGAT, SELANGOR

Oleh: Nik Mazielia Idura binti Nik Mohamed,
Muzium Etnologi Dunia Melayu



Muzium Etnologi Dunia Melayu telah menerima kunjungan si cilik dari Skills of Multiple Intelligences Learning and Engagement atau nama ringkasnya S.M.I.L.E pada 24 Januari, 2022. Seramai 20 orang pelajar dalam lingkungan umur 12 tahun ke bawah dan 5 orang guru pengiring terlibat dalam siri lawatan berkumpulan ke Galeri MEDM. Selain itu, program Smile Kidz Explorace @ MEDM turut diadakan di sekitar galeri MEDM. Program ini secara asasnya membantu kanak-kanak untuk mengenali artifak berkaitan sosio-budaya masyarakat Melayu di Malaysia seperti senjata, wayang kulit, permainan tradisional dan sebagainya. Pada akhir sesi program ini, penyampaian cenderhati kepada semua pelajar yang terlibat telah diadakan dan disampaikan oleh Puan Hasnah Binti Osman, Penolong Kurator Kanan MEDM.



Bagi Program Retro Si Cilik @ MEDM yang dijalankan secara fizikal di ruang galeri MEDM melibatkan aktiviti "Anyaman Kelarai", aktiviti "Warna Warni Wau", aktiviti "Permainan Tradisional", aktiviti "Jom Buat Seramik" dan sebagainya. Kanak-kanak juga berpeluang mendengar cerita-cerita rakyat yang dipersembahkan oleh Puan Azlina Ariffin melalui aktiviti "Penglipur lara @MEDM". Selain itu, terdapat dua demonstrasi sepanjang program berlangsung iaitu demonstrasi pembuatan wau dan demonstrasi pembuatan seramik. Manakala bagi aktiviti sekeluarga, pengunjung berpeluang untuk menyertai aktiviti "Jejak Nusantara@MEDM" yang mana pengunjung menjawab kuiz berkaitan artifak yang ada di dalam galeri MEDM. Rata-rata pengunjung yang hadir menyatakan mereka teruja untuk membawa anak-anak berkunjung ke MEDM dan berharap pihak MEDM menyediakan lebih banyak aktiviti pada masa hadapan.



PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2022

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunus, Muzium Seni Kraf Orang Asli



Persembahan kebudayaan tarian sewang oleh kumpulan Bah Bola sempena Program Living Museum Day 2022



Segmen demonstrasi permainan alat-alat muzik tradisional masyarakat Orang Asli.



En. Zamrul, Pengarah Muzium Negara melawat gerai jualan produk orang asli dengan diiringi En. Asmawi, Ketua MSKOA.

Muzium Seni Kraf Orang Asli masyarakat Orang Asli. (MSKOA) sekali lagi meneruskan penganjuran PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2022 pada tahun ini. Seperti pada tahun - tahun sebelumnya, program ini telah dirancang khas dan dilaksanakan melalui pembudayaan norma baharu dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Program ini merupakan salah satu acara tahunan bagi MSKOA dan telah dimasukkan dalam Kalendar Acara Tahunan 2022, Jabatan Muzium Malaysia.

Program Living Museum Day@ MSKOA 2022 ini telah diadakan pada 19 – 20 Mac 2022 (Sabtu dan Ahad) bermula jam 09.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di dalam galeri dan perkarangan luar MSKOA. Satu kelainan dalam acara pada tahun ini ialah penambahan slot aktiviti iaitu persembahan kebudayaan dan reruai jualan di sekitar kawasan Parkir Awam Muzium Negara. Reruai gerai jualan ini lebih fokus kepada produk- produk keluaran oleh masyarakat Orang Asli sendiri. Antara jualan adalah produk - produk perubatan, herba - herba, T-shirt, produk kecantikan, kraftangan dan juga buku - buku berkaitan dengan

pada tahun ini melibatkan dua suku kaum di sekitar Selangor iaitu Mah Meri dan juga Semai. Program Living Museum Day ini juga diserikan lagi dengan kehadiran Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia dan Encik Zamrul Amri bin Zakaria, Pengarah Muzium Negara pada hari pertama program ini berlangsung.

Oleh kerana pintu sempadan antarabangsa belum lagi dibuka, maka pengunjung Program Living Museum Day @ MSKOA 2022 adalah terdiri daripada pelawat tempatan dan luar negara (yang berada di Malaysia), pegawai dan kakitangan JMM, pelajar sekolah rendah dan menengah, siswa dan siswi dari universiti tempatan, Aktivis dan NGO Orang Asli serta masyarakat Orang Asli sendiri. Muzium Seni Kraf Orang Asli telah menerima seramai 708 orang pengunjung pada hari pertama (Sabtu). Jumlah pelawat pada hari ke 2 (Ahad) ialah seramai 884 orang. Jumlah keseluruhan kehadiran para pelawat ke program ini adalah seramai 1,592 orang.

Di antara aktiviti yang dijalankan sempena Program LIVING MUSEUM DAY@MSKOA ini ialah demonstrasi permainan alat-alat muzik orang asli seperti centong, pensol, getuk dan gong, ikon program living museum day, demonstrasi anyaman bunga moyang, demonstrasi anyaman bakul, demonstrasi ukiran topeng, persembahan kebudayaan (suku kaum Semai) dan reruai jualan orang asli.

Melalui program ini pelbagai faedah dapat diperolehi, antaranya melahirkan kembali jaringan kerjasama yang sedia ada dan mempereratkan lagi jalinan tersebut dengan pihak yang terlibat. Selain itu, perkongsian ilmu dan kepakaran dapat dipertingkatkan. Program ini juga menjadi nilai tambah kepada fungsi dan peranan muzium itu sendiri dalam menanam minat masyarakat untuk sentiasa mengunjungi muzium. Program sebegini juga membolehkan Muzium Seni Kraf Orang Asli khususnya dan JMM khasnya mendokumentasikan maklumat-maklumat penting berkaitan Masyarakat Orang Asli.

PROGRAM SINGGAH SANTAI MUZIUM CHIMNEY

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

Muzium Chimney telah menganjurkan Program Singgah Santai yang bertujuan mempromosi, menyemarak sekaligus menarik minat masyarakat mengunjungi muzium. Penganjuran program ini juga merupakan langkah promosi awal bagi sambutan ulangtahun ke 20 tahun Muzium Chimney pada bulan Oktober depan. Bermula pada penghujung bulan Disember 2021 lagi hingga 20 Mac 2022, pihak muzium giat mengetengahkan beberapa tema menarik yang menggamit nostalgia para pengunjung melalui pelbagai aktiviti santai yang diadakan khususnya pada setiap hujung minggu.

Program Singgah Santai Muzium Chimney dilaksanakan dengan aktiviti pengisian pelbagai permainan era 80-an hingga 90-an bagi mengembalikan kenangan masyarakat yang pernah merasai keseronokan permainan zaman tersebut tanpa permainan *gadget* seperti mana pada masa kini. Dengan slogan “*Bersama mengimbau kenangan lalu. Bebas seketika tanpa gadget sambil mengerat silaturrahim*”, ternyata telah memikat para pengunjung untuk datang ke muzium bagi merasai sendiri pengalaman bermain pelbagai permainan klasik yang dikenali antaranya permainan senapang buluh, gasing, lawan getah pemadam, sepak raga, sepak manggis, senapang kayu lastik, laga biji getah, lawan kayu aiskrim, telefon tin, baling selipar, kad tepuk dan sebagainya. Berdasarkan sambutan menggalakkan daripada para pengunjung, program ini kemudiannya diteruskan dengan aktiviti santai bertemakan “Kami Orang Kampung”. Bukan sahaja mengetengahkan permainan klasik, turut diadakan demo menumbuk padi, menampi beras dan mengukur kelapa.



Bagi menghidupkan suasana, kakitangan muzium dan para pengunjung turut mengenakan pakaian tradisi seperti berkain batik sarung dan pelikat, serta bertengkolok yang secara tidak langsung menjadi tarikan utama di dalam program ini. Rata-rata para pengunjung yang datang khususnya ibu bapa bersama anak-anak menyatakan rasa teruja kerana berpeluang kembali bermain pelbagai permainan sewaktu kecil mereka, memperkenalkannya kepada anak-anak selain dapat melakukan aktiviti cara hidup kampung yang sangat dekat dengan masyarakat dan jarang diadakan di tempat lain.

Melalui penganjuran program ini, Muzium Chimney berjaya mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelawat yang ketara berbanding sebelumnya. Sehubungan itu, Program Singgah Santai akan terus diadakan sebagai salah satu inisiatif menarik minat lebih ramai pengunjung daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat berkunjung ke muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan seterusnya menjadikan muzium destinasi lawatan utama yang menyeronokkan disamping memperkayakan minda dengan ilmu yang bermanfaat.





PROGRAM PENYEDIAAN BUBUR BANGING MAKANAN TRADISI MASYARAKAT KADAYAN DI LABUAN

Oleh: Zuriani binti Abd Ghani, Muzium Labuan



Beras yang telah digoreng akan digunakan untuk membuat bubur banging



Beras direnehkan dan dikacau hingga pecah



Susu cair dan santan kelapa dimasukkan untuk memberikan bubur banging rasa lemak



Gula dimasukkan untuk memberikan rasa manis



YB Datuk Rozman bin Datuk Hj Isli turut menyertai gotong-royong



YB Datuk Rozman bin Datuk Hj Isli (empat dari kanan) dan Tn. Hj. Harun bin Awang Damit (enam dari kira) bersama-sama dengan ahli-ahli Persatuan Pantaran Biskita dan agensi-agensi yang menyertai Program Memasak dan Menagihkan Bubur Banging

Bubur banging merupakan makanan tradisi masyarakat Kadayan yang kebiasaannya dihidangkan semasa majlis perkahwinan dan keramaian. Pada 10 April 2022, Persatuan Pantaran Biskita telah mengadakan Program Memasak dan Mengagihkan Bubur Banging bertempat di Kiosk Kak Amit Sosai, Simpang Kampung Tanjung Aru Nelayan. Tujuan program ini diadakan sebagai inisiatif untuk mengembalikan semula tradisi memasak bubur banging secara bergotong-royong sempena bulan Ramadhan di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat setempat. Dalam program ini 25 kg beras telah dimasak dan menghasilkan kira-kira 600 paket bubur banging yang kemudiannya diagihkan secara pandu lalu kepada penduduk sekitar di Batu Arang, Simpang Tanjung Aru Nelayan. Turut hadir menjayakan program gotong-royong ini ialah YB Datuk Rozman bin Datuk Hj Isli, Ahli Parlimen Labuan, Tn. Hj. Harun bin Awang Damit, Ketua Kampung Tanjung Aru dan Pn. Amit binti Hamdani, Pengurus Persatuan Pantaran Biskita. Program ini turut disertai oleh Persatuan Belia dan Beliananis Kampung Tanjung Aru, Pertubuhan Peladangnita Utara, Pertubuhan Penggerak Komuniti Negara Labuan, Kumpulan Busker Basing Tanjung dan Ahli-ahli Rukun Tetangga Kampung Tanjung Aru, Encik Muhammad Nazli Ho bin Abdullah dan Cik Zuriani binti Abd Ghani dari Muzium Labuan.

Bahan utama bubur banging ialah beras yang akan digoreng tanpa menggunakan minyak sehingga berwarna perang. Beras biasa yang digunakan untuk membuat bubur banging ini juga boleh dicampurkan dengan beras bario dan beras pandan. Proses penyediaan bubur banging ini dimulakan dengan beras yang telah digoreng direnehkan dengan air serta perlu sentiasa dikacau supaya beras yang dimasak itu pecah dan terurai dengan sekata sehingga menjadi bubur. Selepas menjadi bubur, bahan-bahan lain iaitu daun pandan, santan kelapa, susu cair, gula dan garam dicampurkan. Untuk penyediaan 12 kg bubur banging bahan-bahan yang diperlukan ialah 8 helai daun pandan, susu cair 390g sebanyak 7 tin, santan kelapa dalam paket (1 liter) sebanyak 6 paket, 6 paket gula (1kg) dan $1\frac{1}{2}$ sudu garam. Setiap kali selepas bahan campuran ini dimasukkan, ia perlu dikacau supaya bahan-bahan campuran ini sebatи sehingga bubur banging menjadi pekat dan berwarna putih kekuningan. Bahan-bahan campuran ini dimasukkan untuk memberikan perasa untuk menambah keenakan bubur banging.

Penyediaan bubur banging ini amat unik kerana dimasak secara bergotong-royong seperti menyediakan bubur lambuk yang amat terkenal di bulan Ramadhan.

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH DAN PEGAWAI-PEGAWAI JMM KE PROTON TANJUNG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN

Oleh: Intan Khafdrillia binti Fadzri, Muzium Automobil Nasional

Pada 14 April 2022 (Khamis), pihak PROTON telah berbesar hati menjemput Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai Jabatan Muzium Malaysia (JMM) seramai 4 orang untuk meghadiri lawatan kerja ke PROTON Tanjung Malim, Perak. Pegawai JMM yang mengiringi Datuk Ketua Pengarah JMM ialah Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi (Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Puan Hazirah binti Yusop (Jurutera Awam), Encik Mohd Noorzairi bin Saleh (Kurator) dan Puan Intan Khafdrillia binti Fadzri (Ketua Muzium Automobil Nasional). Lawatan ini adalah susulan kunjungan hormat pihak PROTON ke Pejabat Ketua Pengarah JMM pada bulan Mac yang lalu. Selain itu, lawatan ini bertujuan untuk membincangkan potensi jalinan kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Rombongan JMM disambut mesra oleh Encik Mohd Khalid bin Yusof (Pengarah, Jabatan Pelaburan dan Promosi PROTON) dan Encik Hazrin Fazail bin Haroon (Pengarah, Penyelidikan dan Pembangunan PROTON). Sewaktu sesi melawat ke kilang, kami tidak dibenarkan untuk mengambil gambar bahkan perlu memakai pakaian yang mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan. Kami berpeluang melihat proses pembuatan rangka kenderaan, kerja-kerja pemasangan badan kereta, pemasangan enjin, pemasangan komponen kenderaan serta pemasangan aksesori sehingga lengkap menjadi sebuah kereta. Proses pemasangan ini dilakukan oleh robot-robot yang cekap dan pantas dan ianya dikawal oleh pekerja-pekerja mahir. Kereta yang telah siap dipasang akan diuji dan disahkan mengikut standard yang ditetapkan sebelum dikeluarkan untuk pasaran. Untuk makluman, kilang PROTON Tanjung



Gambar kenangan antara pihak JMM dan PROTON di lobby Bangunan Pentadbiran



Menaiki buggy ke lawatan kilang PROTON di Tanjung Malim, Perak

Ketibaan dan sambutan mesra dari pihak PROTON di hadapan Bangunan Pentadbiran

Malim pada masa ini mengeluarkan empat model iaitu PROTON X70, X50, Persona dan Iriz. Setelah selesai sesi lawatan dikilang, kami dibawa ke Bilik Mesyuarat X70 di Tingkat 1 Bangunan Pentadbiran untuk sesi taklimat seterusnya. Pihak JMM telah diberi penerangan berkaitan perancangan PROTON pada masa hadapan dan potensi jalinan kerjasama antara kedua-dua belah pihak. Program lawatan ini diakhiri dengan lawatan ke persekitaran *Proton City* dan berakhir pada 1.30 petang.

PROGRAM RAMADAN MUZIUM NEGARA

Oleh: Mohd Jamil bin Haron, Muzium Negara

Pada tahun ini bersempena dengan sambutan bulan Ramadan dan Syawal, Muzium Negara telah menyusun atur pelbagai program menarik khusus buat pelawat yang datang pada setiap sabtu dan ahad. Antara program khusus yang dilaksanakan adalah pameran tujuh likur untuk menyebarluaskan pengertian sebenar dan sejarah sambutan malam tujuh likur di negara-negara Islam amnya dan Malaysia khasnya. Pameran ini bermula dari 16 April hingga 8 Mei 2022 di Dewan Tengah, Muzium Negara. Sepanjang tiga minggu pameran ini berlangsung pelbagai koleksi menarik yang dipamerkan antaranya pelita panjut yang dibuat daripada buluh, koleksi acuan kuih tradisional dan variasi kad raya. Bagi menambahkan lagi kehangatan sambutan bulan Ramadan disusuli dengan sambutan hari raya turut diaturkan pelbagai aktiviti demonstrasi. Antaranya adalah demonstrasi membuat kuih siput yang menjadi antara sajian dan pilihan utama

bagi masyarakat di kampung semasa sambutan hari raya aidilfitri. Selain itu, turut diadakan demonstrasi membuat kuih loyang atau bunga ros dan membuat ketupat palas. Pelawat yang datang ke Muzium Negara boleh belajar cara-cara untuk membuat bancuhan kuih loyang dan mengikat ketupat palas versi utara. Tidak lengkap raya rasanya jika tidak dipertontonkan kepada pelawat ikatan tengkolok dan samping. Justeru turut diatur kedua-dua aktiviti ini yang ternyata mendapat sambutan hangat daripada pelawat sama ada secara fizikal di Dewan Tengah, MN ataupun secara maya di facebook Jabatan Muzium Malaysia dan Muzium Negara rasmi. Sepanjang sebulan program ini diadakan sambutan yang diterima daripada pelawat adalah amat memberangsangkan dan ada pelawat yang datang semata-mata ingin belajar membuat ketupat palas dan rendang.







Bicara@Muzium

SEMPENA PERHIMPUNAN WARIS NGAH IBRAHIM 2022

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

Pada 26 Mac 2022 (Sabtu) Muzium Matang telah mengadakan program Bicara@ Muzium sempena Perhimpunan Waris Ngah Ibrahim 2022. Program ini diadakan dengan kerjasama Pejabat Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama dan Jabatan Arkib Negara Malaysia Negeri Perak. Program yang bermula pada jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin A.Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia. Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Wan Mohd Isa Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama, turut hadir Encik Abdul Mutualib Abdul Rahman Ketua Penolong Setiausaha Kanan, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, ACP Haji Osman bin Haji Mamat, Ketua Polis Daerah Taiping dan YBhg. Dato' Hj Mohd Zuhuri b. Ahmad, Presiden Persatuan Sejarah Taiping serta ketua-ketua jabatan.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Wan Mohd Isa Dato' Haji Wan Mohd Razali yang merupakan pemegang jawatan Orang Kaya mewaliki semua waris-waris Ngah Ibrahim. Tajuk Bicara@Muzium pada kali ini ialah "Kembalinya Wira Negara" iaitu bertemakan permindahan pusara Ngah Ibrahim dari Singapura ke Kota Ngah Ibrahim. Topik tersebut dibentangkan oleh Encik Khalid Syed Ali, mantan Pengarah Bahagian di Jawatan Warisan Negara. Permindaan pusara Ngah Ibrahim dari Singapura ke kota Ngah Ibrahim pada tahun 2006 merupakan satu detik bersejarah kepada Negeri Perak serta mendapat perhatian yang luas.

Encik Khalid Syed Ali merupakan sebahagian daripada ahli pasukan yang terlibat secara langsung dalam proses pemindahan pusara Ngah Ibrahim telah berkongsi maklumat dan pengalaman yang menarik.

Seramai 200 orang peserta menghadiri program ini yang terdiri daripada waris Ngah Ibrahim, wakil agensi kerajaan dan bekas pesara muzium. Program ini telah memberi satu nilai tambah kepada aktiviti permuziuman dan memperlihatkan jalinan kerjasama jitu Muzium Matang dan masyarakat setempat.



Majlis dirasmikan oleh YBhg. Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia



Ucapan aluan disampaikan oleh YABhg Dato' Wan Mohd Isa Dato' Haji Wan Mohd Razali Orang Besar Jajahan Larut Matang



Acara gimik perasmian



Bicara@Muzium

PENGENALAN ALAT-ALAT MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA SIRI 1: ALAT MUZIK GAMELAN

Oleh: Siti Nor Ain binti Manap, Muzium Muzik

Laman FB Pameran Alat-Alat Muzik Mohd Razuri. Program ini berlangsung Tradisional Malaysia diwujudkan pada 18 Mac 2022, 10.30 pagi di Galeri untuk mewarwarkan kepada Muzik, Jabatan Muzium Malaysia masyarakat dan memberi pemahaman secara live di FB "Pameran Alat-Alat mengenai rupa bentuk dan fungsi Muzik Tradisional Malaysia".

Alat muzik yang dipamerkan di Galeri Alat muzik Gamelan merupakan Muzik, Jabatan Muzium Malaysia. himpunan alat muzik seperti bonang, Justeru, Muzium Muzik, telah memilih gambang, gendang dan gong. alat muzik gamelan untuk dijadikan Perkataan 'gamelan' berasal daripada sebagai bahan dalam Program Bicara perkataan Jawa iaitu 'gamel' yang @ Muzium yang bertajuk Pengenalan bermaksud memukul atau tukul. Alat-Alat Muzik Tradisional Malaysia kemudian gamelan diperkenalkan Siri 1: Alat Muzik Gamelan, yang ke Pahang dan seterusnya ke disampaikan oleh Cik Farizan binti



Terengganu. Di samping itu, Cik Farizan turut berkongsi dengan penonton cara-cara bermain alat muzik gamelan Saron yang terdiri daripada saron demong, saron baron dan saron peking.

Bicara@Muzium

PENGENALAN ALAT-ALAT MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA SIRI 2: ALAT MUZIK GAMELAN

Oleh: Siti Nor Ain binti Manap, Muzium Muzik



Siri 2 Program Bicara @ Muzium telah berlangsung pada 25 Mac 2022 jam 10.30 pagi di platform secara live dari FB "Pameran Alat-Alat Muzik Tradisional Malaysia" yang bertajuk Pengenalan Alat-Alat Muzik Tradisional Malaysia: Alat Muzik Gamelan, yang disampaikan oleh Cik Farizan binti Mohd Razuri diteruskan dengan menyelusuri cara-cara bermain alat muzik gambang, yang merupakan alat muzik kedua terpenting dalam seni gamelan, dan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkannya. Hasil pembuatan setiap alat muzik gamelan adalah berbeza dan komponen logam merupakan antara bahan yang terkandung dalam pembuatan alat muzik gamelan.

Muzik gamelan biasanya dimainkan dalam majlis formal dan tidak formal di istana dan untuk mengiringi joget Pahang. Pemuzik gamelan terdiri daripada lelaki seramai sembilan orang dan penarinya adalah wanita seramai enam orang. Alatan muzik yang digunakan ialah Gong Agong, Gong Sawukan, Gendang Ibu, Gendang Anak, Saron Pekin, Saron Baron I dan Saron Baron

II, Gambang serta juga Kenong. Gambang biasanya dimainkan oleh seorang pemain sahaja. Pemain gambang memerlukan 2 bilah pengetuk yang diperbuat daripada tanduk kerbau (pemegang) dan bahagian pemukulnya berbentuk bulat pipih dengan bahagian tepinya dibalut dengan lilitan kain. Alat pemukul ini juga dikenali sebagai 'mallet'. Cara permainannya ialah dengan mengetuk menggunakan kedua-dua belah tangan secara serentak mengikut not-not lagu. Bunyi gambang berbeza daripada alat muzik yang lain kerana bunyinya adalah paling rendah berbanding dengan alat muzik gamelan lain yang diperbuat daripada logam. Cik Farizan turut menunjukkan cara bermain alat muzik gamelan yang dipanggil alat muzik keromong. Keromong merupakan alat utama yang akan memulakan muzik pembukaan kemudian diikuti oleh instrumen gamelan yang lain. Gong yang berukuran kecil dan diperbuat daripada gangsa merupakan alat melodi utama dalam ensemبل gamelan

Bicara@Muzium

PENEMUAN KALAM SEMAH PERLIS DI GUA BERHALA DAN KURUNG BATANG: CERMINAN ZAMAN PROTOSEJARAH DI PERLIS

Oleh: Nurul Azlida binti Ghazali, Muzium Kota Kayang

Pada 15 Mac 2022, Muzium Kota Kayang (MKK) telah mengadakan program Bicara@Muzium secara atas talian dengan menjemput Dr. Nasha Rodziadi Khaw, Pensyarah Kanan, Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia sebagai panel dan Puan Siti Munirah binti Kasim sebagai moderator program. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang keberadaan dan keunikan koleksi terpilih di Muzium Kota Kayang seperti Kalam Semah yang boleh diketengahkan dan diberi penelitian semula.

Menurut Dr. Nasha, Kalam Semah merupakan kepingan-kepingan lonjong atau bulat tanah liat yang telah dikeringkan atau dibakar dan dicap dengan imej agama Buddha, Bodhisattva atau tulisan mantra. Kalam Semah selalunya ditemui berisasasi dengan tapak-tapak candi, ataupun di tempat pertapaan. Ianya berfungsi sebagai azimat, sama ada untuk disimpan di tempat-tempat suci atau disimpan individu. Kalam Semah dapat dipertarikhkan dari abad ke-8 Masehi dan terus digunakan sehingga kini.

Di Semenanjung Malaysia, Kalam Semah cuma dilaporkan ditemui di tiga kawasan sahaja, iaitu di Hulu Kelantan, Lembah Bujang, Kedah dan Perlis. Pada awal tahun 1960-an, Alastair Lamb telah menjalankan kerja-kerja eksplorasi di sekitar gua Perlis dan menemui sejumlah besar Kalam Semah berimej Budha dan Bodhisattva di Gua Kurung Batang dan Gua Berhala. Sehingga kini, Perlis merupakan satu-satunya tapak tempat ditemuinya Kalam Semah yang juga mengandungi tulisan mantra agama Buddha.

Sekumpulan pengkaji dari Pusat Penyelidikan Global, Universiti Sains Malaysia telah berhasil membuat kerja-kerja transliterasi dan terjemahan terhadap Kalam Semah tersebut. Adalah diharap berdasarkan pendedahan ini, penyelidikan mengenai Kalam Semah boleh diteruskan dengan lebih mendalam pada masa akan datang dan dijadikan segmen pameran khas untuk pengunjung yang ingin mengkaji koleksi ini.



Bicara@Muzium



SEMPENA PAMERAN PERANG MUSUH BISIK (1821-1842)

Oleh: Zamzariah binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

Pada 15 Mac 2022, Muzium Kota Kuala Kedah telah menganjurkan program Bicara@Muzium sempena Pameran Perang Musuh Bisik (1821-1842). Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi maklumat kepada generasi hari ini mengenai perperangan yang berlaku di antara Kedah dan Siam.

Program ini menampilkan 3 orang pembentang iaitu Encik Mohd Herman bin Roslan membentangkan tajuk "Konflik Tercetusnya Perang Kedah-Siam", Encik Mohd Rosyidi bin Che Don dengan tajuk "Penemuan Keris Kedah: Warisan Perkerisan Utara Semenanjung" dan Encik Abdul Hakim bin Abdul Rashid membentangkan tajuk "Sudut Pandangan Silat Melayu – Keris Dan Penggunaannya Melalui Silat Melayu". Program bicara ini telah disempurnakan oleh Ketua Muzium, Encik Azhar bin Mohamed Noor dan moderator Encik Mohd Herman bin Roslan, Exco Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

Seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan seperti Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perpustakaan Negeri Kedah, Arkib Negeri Kedah, Tourism Malaysia, Pusat Sains Negara Cawangan Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia, Persatuan Silat Cekak, Gerila Pulau Pinang, Gerila Kedah dan orang perseorangan menghadiri program ini. Program bicara ini turut mendapat liputan media dari Berita Harian dan Harian Metro.

Melalui bicara ini masyarakat dapat mengetahui bahawa Perang Kedah-Siam merupakan kemuncak kepada usaha Siam untuk meluaskan kuasa mereka ke atas negeri – negeri Melayu selepas kejatuhan Ayutthaya pada tahun 1767. Walaupun begitu perluasan kuasa oleh kerajaan-kerajaan di Siam iaitu Thonburi dan Chakri mengambil masa selama 54 tahun sebelum Kedah berjaya ditakluki. Terdapat 2 konflik yang berlaku pada ketika itu iaitu konflik dalam yang melibatkan perebutan kuasa dan wilayah di kalangan anak-anak Sultan Abdullah manakala konflik luaran pula ialah campur tangan British dan perluasan kuasa Siam ke atas negeri Segenting Kra melalui Ligor.



Perang Musuh Bisik yang disambut pada 12 November 2021 merupakan sejarah yang paling diingati oleh rakyat Kedah kerana ia merupakan perperangan terbesar yang melibatkan 3 buah negara iaitu Kedah, Siam dan Britain.



Bicara@Muzium

MERUNGKAI SEJARAH TAIPING BANDAR WARISAN

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak Taiping

Pembangunan di Taiping dilihat semakin maju apabila Hugh Low dilantik sebagai Residen dan memperkenalkan banyak inisiatif baharu melalui transformasi seperti pembinaan bangunan-bangunan kerajaan, sistem pengangkutan dan perhubungan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Perkembangan pesat ini turut meninggalkan kesan-kesan sosial seperti penghijrahan kaum Cina dan India ke Taiping serta pemodenan infra bandar dengan meninggalkan beberapa bandar lain pada eranya seperti Ipoh, Seremban dan Kuala Lumpur. Sekali gus Taiping telah dijadikan sebagai ibu negeri Perak sehingga tahun 1937, sebelum Ipoh.

Bersempena dengan Pameran Taiping Retrospektif Sejarah, pada 31 Mac 2022 Muzium Perak telah menganjurkan satu program Bicara@Muzium dengan tajuk Merungkai Sejarah Taiping Bandar Warisan. Program Bicara@Muzium pada kali ini telah menggabungkan dua pembentang iaitu Prof Madya Dr Nazirah Lee dari Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris membicarakan tajuk Taiping Dalam Imbauan Sejarah dan Dr Zulhilmi Bin Paidi dari Universiti Utara Malaysia dengan tajuk Bangunan dan Kota Bersejarah di Taiping Dalam Menghadapi Cabaran Masa Depan. Program ini telah dimoderatori oleh Cik Noor Sahida Binti Abdul Rahim.

Antara Objektif utama program ini ialah untuk menyebarkan maklumat mengenai sejarah Taiping agar terus diingati dan dihargai sepanjang zaman. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan namun penyertaan adalah terhad mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Seramai 50 orang peserta telah hadir terdiri daripada kakitangan kerajaan, penyelidik, warga pendidik, NGO dan orang persendirian. Program ini juga telah diadakan secara atas talian melalui platform FB live Muzium Perak Taiping Rasmi.

Prof Madya Dr Nazirah Lee telah menyentuh tentang sejarah Taiping sebagai bandar pentadbiran di negeri terkaya dalam jajahan British. Imbauan bertumpu kepada perkembangan yang berlaku di zaman kegemilangan dan kemelesetannya.



Pendekatan tersebut bertujuan untuk mendalami perubahan yang berlaku di Taiping dengan lebih mendalam sepanjang zaman kolonial British. Perbincangan adalah berdasarkan kepada sumber sejarah seperti dokumen pentadbiran British dan juga akhbar sezaman serta catatan para pengembara yang mengunjungi Taiping sepanjang tempoh berkenaan.

Dr Zulhilmi Bin Paidi pula mengupas kewujudan bangunan-bangunan dan kota-kota bersejarah yang amat penting bagi negara ini dalam usaha kita membina negara bangsa yang dikongsi bersama oleh masyarakat pelbagai kaum dan etnik. Bangunan dan kota bersejarah secara umumnya mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam membantu memahatkan kejayaan pembinaan negara bangsa, selain cabaran dalam usaha mengekal dan memulihara bangunan dan kota bersejarah di negara ini.

Program ini banyak memberi manfaat melalui perkongsian ilmu dan kepakaran antara JMM bersama tokoh akademik, aktivis dan pengkaji sejarah. Semoga Program Bicara@Muzium dapat membudayakan masyarakat untuk gemar mengunjungi Muzium dan menjadikan Muzium sebagai gedung ilmu pengetahuan.



Bicara@Muzium

TANGGAPAN UMUM YANG SALAH TERHADAP PERAHU MELAYU

Oleh: Zamzariah binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

Masyarakat Inggeris pada awalnya telah mengkritik dan mempunyai tanggapan yang salah terhadap kapal dan perahu Melayu. Bagi mereka kapal Melayu tidak mempunyai *floor* (lantai) yang rata dan *beam* (rasuk) yang baik. Orang Eropah telah datang ke Tanah Melayu dan melihat perahu Melayu kecil dan menyerupai perahu nelayan. Maka timbul persoalan sama ada terdapat perahu yang hebat di Tanah Melayu dan orang Eropah mula membuat kajian. Hasil daripada kajian tersebut mereka mendapatkan terdapat perahu Balong (Dagang) yang mempunyai lantai dan rasuk yang bagus dan stabil. Bagi memahami lebih mendalam mengenai perahu Melayu maka Bicara@Muzium bertajuk "Tanggapan Umum Yang Salah Terhadap Perahu Melayu" telah disiarkan secara



maya pada 17 April 2022. Program ini disiarkan melalui aplikasi *zoom meeting* dan secara *live* di facebook Muzium Kota Kuala Kedah. Program bicara ini dibentangkan oleh Encik Muhammad Syukry bin Kamarudin, Penyelidik Bebas dan dimoderator oleh Encik Azhar bin Mohamed Noor, Ketua Muzium Kota Kuala Kedah.

Program ini turut membincarakan struktur perahu Melayu dari segi penggunaan dayung yang digunakan untuk menggerakkan perahu dan penggunaan ghali yang banyak digunakan pada abad ke 18 dan 19. Dengan adanya perkongsian ilmu daripada program bicara ini diharap dapat mengubah tanggapan kita mengenai perahu Melayu serta memberi sedikit sebanyak ilmu yang bermanfaat.

BICARA KHAS

"ANALISIS BIBLIOMETRIK DAN VISUALISASI JURNAL BERKAITAN PEMUZIUMAN DI MALAYSIA"

Oleh: Noor Afiqah binti Ariffin, Unit Perpustakaan

Pada 21 April 2022 (Khamis) Unit Perpustakaan, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi (BPD) telah mengadakan program sesi perkongsian ilmu yang bertajuk "Analisis Bibliometrik dan Visualisasi Jurnal Berkaitan Pemuziuman di Malaysia". Program telah dikendalikan oleh Encik Yusri bin Ja'afar, dan Encik Fandy Izuan bin Johari, Penolong Pustakawan bertindak sebagai moderator. Program ini diadakan secara maya di platform *Zoom Meeting* dan juga di *facebook* rasmi Jabatan Muzium Malaysia.

Program ini menampilkan tiga panel pembentang dari Institusi Penyelidikan Perubatan (Kementerian Kesihatan Malaysia) iaitu Encik Mohd Hazilas bin Mat Hashim, Penolong Kurator di Muzium Bioperubatan (IMR), Jalan Pahang.

Pembentang kedua, Encik Lim Kuang Hock, merupakan Ketua Muzium Bioperubatan (IMR) telah berkhidmat di KKM selama lebih 30 tahun. Sepanjang perkhidmatan, beliau banyak terlibat dalam penulisan berkaitan kesihatan awam. Pembentang ketiga pula ialah Dr. Cheong Yoon Ling, seorang Pegawai Penyelidik dan telah berkhidmat di KKM selama 19 tahun. Pembentangan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian pengenalan oleh Encik Mohd Hazilas, bahagian perincian oleh Encik Lim Kuang Hock dan bahagian teknikal serta penggunaan perisian oleh Dr. Cheong Yoon Ling.

Sesi Perkongsian Ilmu ini telah membahaskan projek penyelidikan, hasil penulisan projek penyelidikan dan kaedah analisis data menggunakan perisian komputer. Projek penyelidikan ini adalah kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan dan Jabatan Muzium Malaysia, yang telah



dijalankan selama setahun 3 bulan, yang melibatkan 3 jurnal (*Federated Malayan Journal*, *Sarawak Museum Journal* dan *Journal of Malaysia Branch of Royal Asiatic Society*). Kaedah pengumpulan data adalah melalui dalam talian dan rujukan kepada naskhah jurnal itu sendiri. Hasil daripada kerja-kerja kutipan data yang dijalankan, satu penerbitan berjudul "*Mapping The Output Of Journal Of Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (Jmbras): Scientometric Analysis 2000-2020*" dihasilkan, berkaitan kuantiti penerbitan jurnal ini, corak kepenggarangan, analisa kata kekunci, kerjasama antara pengarang, kekerapan artikel saintik dipetik oleh pengarang lain dan Kadar Pertumbuhan Relatif (RGR) dan masa penggandaan (DT) untuk artikel saintifik sepanjang tempoh ini. Di samping perisian percuma seperti "Vos Viewer", enjin pencarian "Publish or Perish" serta "Scopus" juga diperkenalkan secara ringkas.

Sembang Santai: Pentingkah Taksidermi?

Oleh: Norshidah binti Mohd Mastura, Muzium Alam Semula Jadi



Bersempena pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi yang telah berlangsung dari 18 Oktober 2021 sehingga 17 April 2022 beberapa siri program Sembang Santai anjuran Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan Muzium Alam Semula Jadi telah diadakan secara bersemuka dan melalui FB Live JMM pada 17 April 2022, telah berlangsung satu program Sembang Santai yang bertajuk 'Pentingkah Taksidermi'?

Objektif utama program Sembang Santai kali ini adalah untuk memberikan penekanan mengenai kepentingan taksidermi dalam konteks pendidikan dan permuziuman. Sesi sembang santai ini telah dimulakan oleh Puan Norshidah binti Mohd Mastura menceritakan secara ringkas maksud taksidermi dan sejarah taksidermi Malaysia. Menurutnya bidang taksidermi ini merupakan salah satu bidang kepakaran untuk mengawet kulit haiwan yang mati dan melekapkan semula pada badan tiruan supaya kelihatan seolah-olah menyerupai bentuk asal haiwan. Sebagai seorang ahli taksidermi haruslah memahami anatomi haiwan serta berkemahiran dalam melakukan kerja-kerja melapah kulit, menyamak, membentuk dan menjahit semula kulit haiwan yang telah diawet. Tujuan pengawetan spesimen haiwan ini dibuat adalah untuk pameran, penyelidikan saintifik, pendidikan dan juga koleksi rujukan.

Sesi diteruskan ialah perkongsian ringkas koleksi spesimen yang dipamerkan. Puan Norshidah memaklumkan bahawa terdapat satu spesimen di mana usia awetannya telah melebihi satu abad iaitu Badak Sumatera (*Dicerorhinus sumatrensis*). Badak Sumatera ini telah diawet oleh E.J. Keilich, Kurator Muzium Perak pada tahun 1901. Selain itu, Puan Norshidah turut berkongsi maklumat dimana pada tahun 2012, JMM telah menghantar dua orang

kakitangan Muzium Alam Semula Jadi untuk mempelajari bidang taksidermi secara profesional di American Institute of Taxidermy, Wisconsin, Amerika Syarikat selama dua bulan, iaitu Encik Mohd Ridhuan bin Akhiruddin dan Encik Mohammed Ali bin A.M Haja Mohaideen.

Pada akhir sesi program sembang santai ini, Puan Norshidah menyatakan sesungguhnya sehingga kini masih tiada lagi kaedah moden lain yang boleh menggantikan ilmu taksidermi khususnya dalam penghasilan haiwan awetan ini. Pengurusan koleksi spesimen yang sistematik menjadikan muzium terus kekal sebagai repositori utama untuk menyimpan pelbagai spesis haiwan yang telah diawet sejak sekian lama bukan sahaja untuk pengisian pameran malahan sebagai sumber rujukan dan kajian para saintis bagi manfaat sejagat. JMM menerusi Muzium Alam Semula Jadi sangat komited dalam memastikan bidang taksidermi ini terus kekal relevan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha mengumpul, menyimpan, mempamer dan menyebarkan ilmu pengetahuan tentang khazanah fauna negara yang semakin diancam kepupusan. Puan Norshidah dan hos turut mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan terhadap pameran Keajaiban Taksidermi: Kehidupan Abadi selama ianya berlangsung.

Sesungguhnya program Sembang Santai ini dilihat mampu menjadi medium dalam penyampaian maklumat yang tepat juga pendedahan tentang bidang kepakaran muzium melalui kerja-kerja konservasi dan penjagaan koleksi spesimen bernilai tinggi.

Anyaman Bunga Moyang Dalam Budaya Suku Kaum Mah Meri Pulau Carey

Oleh: Hartini a/p Anjang, Muzium Seni Kraf Orang Asli

Suku Kaum Mah Meri merupakan salah satu kelompok masyarakat Orang Asli daripada kumpulan Senoi. Taburan penempatan mereka banyak di negeri Selangor iaitu sekitar Banting dan Sepang. Kebanyakkan mereka masih lagi mengamalkan corak budaya dan kepercayaan neneh moyang mereka terdahulu iaitu *animisme* namun ada juga yang menganut agama Islam dan kristian serta agama-agama lain.

Suku kaum Mah Meri terkenal dengan kemahiran mengukir kayu dan juga membuat anyaman yang bersangkut paut dengan kepercayaan dan kebudayaan mereka. Sehingga kini mereka masih lagi mahir mengukir patung, topeng dan juga menganyam tikar, bakul-bakul dan juga bunga moyang yang sememangnya terkenal dalam budaya suku kaum Mah Meri.

Bunga moyang merupakan salah satu anyaman yang dihasilkan oleh suku kaum Mah Meri pada sesuatu upacara seperti sambutan Hari Moyang, perkahwinan, majlis-majlis keramaian dan juga sebagai hiasan. Selain digunakan untuk upacara tertentu, ia juga salah satu sumber pendapatan mereka. Mereka sering menerima tempahan daripada masyarakat luar dan ia dapat menjana ekonomi mereka yang tinggal di kampung.

Bunga Moyang merupakan seni lipatan yang mempunyai persamaan dengan seni lipatan yang dihasilkan oleh masyarakat di negeri Jepun iaitu origami. Bezanya masyarakat Suku kaum Mah Meri tidak menggunakan kertas, tetapi daripada bahan semulajadi iaitu daun pokok nipah muda.

Teknik membuat bunga moyang diwarisi turun temurun daripada neneh moyang terdahulu. Bahan yang digunakan untuk membuat bunga moyang tidak sukar dan terlalu mudah, hanya daun pokok nipah dan juga pisau untuk meraut dan memotong daun. Selain daun nipah, daun kelapa muda, daun rumbia dan daun jenis pandan juga boleh digunakan. Bagi mereka yang mahir, membuat anyaman bunga moyang tidak memerlukan masa yang lama, boleh disiapkan dalam beberapa minit dan dibuat dalam jumlah yang banyak. Ketahanannya bergantung kepada cara penyimpanan dan juga suhu sekeliling. Boleh dianggarkan mampu bertahan beberapa bulan jika disimpan dan dijaga dengan elok, namun bau-bauan segar daripada pokok ini akan hilang apabila ia telah kering. Dalam upacara ritual masyarakat Orang Asli, bau-bauan segar adalah sangat penting. Oleh kerana itu, jika diadakan upacara ritual mereka perlu menyediakan bahan yang segar dan yang lama akan diganti dengan hiasan baru.

Jenis-jenis Bunga Moyang yang dihasilkan biasanya berkait rapat dengan kehidupan dan persekitaran mereka. Ia membawa simbol dan makna-makna yang tertentu. Antara jenis-jenis yang sering dihasilkan dalam upacara tertentu ialah jenis flora dan fauna.

JENIS FLORA:

1. **Tali denan, tali angin dan tali jering.** Dandanan tali ini amat mudah dan ia dibuat bersambung-sambung. Ia boleh digantung pada bahagian atas contohnya bahagian siling rumah ataupun pada rumah moyang.
2. **Keris.** Terdapat tiga jenis iaitu keris berlok, keris tangga dan keris pintal. Hiasan Keris akan dihias pada tepi penjuru di rumah atau Balai Moyang. Keris melambangkan kekuasaan dan darjah oleh suku kaum Mah Meri.
3. **Tepus.** Tepus terhasil daripada jenis bentuk halia. Hiasan ini juga akan dikumpulkan dan dihias pada penjuru dewan ataupun di letak dalam pasu yang dianyam.
4. **Gomba** juga dikenali sebagai ikan lumba-lumba. Ia biasa diletak bersebelahan dengan patung moyang semasa sambutan hari moyang. Ia dianggap sebagai perlindungan.
5. **Dzambak atau subang.** Ia akan diletak dan digantung sejambak di tengah-tengah dewan bersama dengan tali denan.
6. **Bunga Tepuk Manggis.** Hiasan ini banyak digunakan pada motif tikar dan juga pada perhiasan diri suku kaum Mah Meri.
7. **Bunga Keras.** Ia digunakan dalam upacara majlis perkahwinan sebagai simbol kestabilan perkahwinan.
8. **Bunga Bintang.** Ia melambangkan arah kehidupan di laut pada waktu malam. Hiasan ini banyak terdapat pada hiasan diri suku kaum Mah Meri.
9. **Bunga Jereh atau Bunga Jering.** Hiasan ini banyak terdapat pada perhiasan diri suku kaum Mah Meri iaitu pada tempok kepala dan lilitan bahu.
10. **Lidah Jering.** Ia merupakan sejenis tumbuhan ulam. Ia memberi simbol kepada perubatan.
11. **Bunga Serai.** Untuk membuat hiasan ini amat mudah. Ia hanya perlu dipotong pada bahagian hujung dan di gulung di sekeliling lidi. Kebiasaannya dimasukkan dalam pasu bersama bunya moyang yang lain. Ia memberi simbol kepada kesihatan kerana ia berkait dengan tumbuhan serai.

JENIS FAUNA:

Kebiasaannya hiasan jenis ini akan digantung di atas bumbung terutamanya pada majlis-majlis perkahwinan. Antara jenis-jenis anyamannya ialah seperti berikut:

1. **Ikan atau Ka.** Ia melambangkan nasib seseorang.
2. **Langkaih atau Belangkas.** Ia memberi simbol kesetiaan. Ia akan dihias bersama dengan ikan dan digantung pada atas tiang rumah moyang.
3. **Tfip** ialah **burung diatas sarang.** Ia memberi makna yang berbeza-beza mengikut situasi.
4. **Etiau atau burung layang-layang.** Ia merupakan simbol yang baik dalam alam perkahwinan.

Selain ukiran patung dan topeng, suku kaum Mah Meri mengekalkan anyaman Bunga Moyang dengan menyertai program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak NGO menerusi domonstrasi untuk memperkenalkannya kepada masyarakat luar.





KENALI KOLEKSI KACIP PINANG

Oleh: Azlina binti Ariffin, Bahagian Pengurusan Koleksi

Tepak Sireh melambangkan kesantunan budaya dan ketinggian estetika dalam Masyarakat Melayu. Di samping itu, masyarakat Melayu menjadikannya sebagai salah satu kelengkapan pembuka adat ketika adat merisik, pertunangan, melenggang perut dan kelahiran bayi. Set Kelengkapan Tepak Sireh terdiri daripada tempat meletak daun sirih, cembul bagi mengisi pinang, gambir, kapur, cengkih, dan tembakau. Kacip dan gobek juga merupakan alat kelengkapan yang digunakan.

Di sinilah dapat dirungkaikan bahawa selain mempunyai maknanya tersendiri kelengkapan Tepak Sireh itu adalah sangat penting di dalam penggunaannya yang saling berkait rapat diantara satu sama lain.

*Tepak Sireh semestilah ada sirehnya,
Sirehnya pula semestilah ada kapurnya,
Kapurnya pula semestilah adalah gambirnya,
Gambirnya pula semestilah ada Pinangnya,
Pinangnya pula semestilah ada Kacipnya.*

Kacip adalah alat utama bagi mengupas buah pinang yang perlu ada di dalam Set Tepak Sireh. Kacip disusun dengan rapi bersama daun sireh dan merupakan pekakasan utama selain daripada gobek. Ia bukan sahaja digunakan di Malaysia tetapi sehingga ke Bangladesh, Sri Lanka, Myanmar, Indonesia, Vietnam, Thailand dan China. Di Semenanjung Tanah Melayu, kacip juga disebut sebagai kati, cekati, kacik, racik, mengikut loghat negeri masing-masing dengan sebutan yang berbeza. Di Indonesia pula kacip dikenali sebagai caket.

Di India gelarannya berbeza mengikut kawasan. Di negeri Deccani Selatan India Kannada (Kartanaka) mengenalinya dengan nama *adakottu* dan di Marathi

(Maharastra) disebut sebagai *adekitta* dan ada juga memanggilnya *serota*. Masyarakat Bengali memanggilnya sebagai *yanti* dan Gujarati pula *sudi* atau *sudo* dan di Sri Lanka pula memanggilnya sebagai *gire* atau *giraya*.

Kacip melambangkan kehalusan masyarakat Melayu dalam beberapa perspektif dari segi keseniannya, adat dan budaya serta teknologi pembuatannya. Kesenian di dalam pembuatan kacip menunjukkan keindahan dan kehalusan berdasarkan seni ukiran flora dan fauna yang memperlihatkan kehalusan seni dan budi pekerti. Bahagian-bahagian kacip terdiri daripada bahagian kepala, badan dan pemegang dan hujung(ekor). Ukiran-ukiran seni fauna seperti gajah, singa dan dewa melambangkan kegagahan dan keberanian apabila diancam. Ukiran flora melambangkan sifat wanita yang lemah lembut dan kecantikannya. Keunikan pembuatan kacip ialah mempunyai gaya dan rupa yang pelbagai bentuk. Motif hulunya yang menarik dan mempunyai pelbagai rupa seperti ayam jantan, kuda, gajah, monyet, kerbau, burung, manusia dan juga bentuk abstrak. Di bahagian pemegangnya di ukir lorekan motif sisik ikan, abstrak dan geometri. Paling menarik ialah terdapat 2 jenis kacip yang dipanggil Kacip Jantan dan Kacip Betina. Kacip Jantan berbentuk petak bersegi sebagai

Antara Koleksi Jabatan Muzium Malaysia



Kacip tembaga berasal dari India. Digunakan sekitar abad ke 19-20



Kacip ini berasal dari Madura, Jawa ini diperbuat daripada tembaga dan perak. Digunakan pada abad ke 19-20



Kacip berasal dari Jawa Tengah dan Bali ini diperbuat daripada besi dan perak

menunjukkan kesegakan dan kegagahan sementara Kacip Betina berbentuk bulat dan menampakkan kelembutannya. Kehalusannya pembuatannya melambangkan tanda, simbol dan isyarat kehalusan berbudi bahasa yang baik, beradab, bersopan santun dengan hasil pembuatan yang rapi dan elok.

Suasana persekitaran kehidupan manusia menjadi motif dalam pembuatan kacip. Bahagian pemegangnya pula bersalut ataupun disadur emas dan perak. Kebiasaannya kacip yang bersalut emas melambangkan kekayaan golongan Diraja dan golongan bangsawan dan golongan bawahan biasanya menggunakan kacip yang diperbuat daripada besi. Bentuk kacip mempunyai bilah dengan pemegang yang bertaut dan saiznya adalah kecil berbanding dengan senjata seperti keris dan parang. Menurut Tukang Besi pembuatan kacip ini adalah lebih sukar kerana saiznya yang lebih kecil dari senjata dan memerlukan kemahiran dan ketelitian dalam penghasilannya.

Pembuatan Kacip memerlukan masa yang agak lama dan ketelitian yang mendalam untuk menjadi mahir. Nilai keeahlawanan juga tidak dilupakan di dalam penghasilan kacip di mana kata-kata ada menyebut ; "Sekali layang berkembang, pantang berbalik pulang" atau "Sekali masuk gelanggang, pantang berbalik belakang". Nilai ini juga memberikan semangat bagi menaikkan keberanian dalam penghasilan motif setiap penghasilan ragam hias

pada senjata, pelengkap adat dan sebagainya selain daripada penghasilan kacip. Bagi memastikan kacip ini kekal sepanjang zaman penghasilannya perlu berterusan dan menjadi warisan temurun.

Pengekalan pembuatan kacip ini perlu diteruskan oleh generasi muda supaya ianya tidak luput ditelan zaman. Menyuntik dan memetik rangkap pantun dalam masyarakat Melayu kacip juga diselitkan di dalam petikan pantun Kasih Sayang antaranya sumber dari Khazanah Pantun Melayu Riau dan Kurik Kundi Merah Saga;

***Sudahlah Kacip dibawa orang,
Sirih yang ada tidak berkapur,
Sudahlah nasib celaka malang,
Kekasih disapa tidak menegur.***

Sumber: Khazanah Pantun Melayu Riau

***Sayang Cik Amat Tukang Kelantan,
Kacip besi dengan besi,
Kurasa kiamat di dalam badan,
Jantung berperang dengan hati.***

Sumber: Kurik Kundi Merah Saga

BIOGRAFI TOKOH TERNAAMA SUNGAI LEMBING - PHUA AH HENG J.P.

Oleh: Wahidayu binti A Wahab, Muzium Sungai Lembing

Mendiang Phua Ah Heng J.P. merupakan seorang tokoh yang ternama di Sungai Lembing suatu ketika dulu. Beliau banyak menyumbangkan jasa terutamanya semasa pembangunan awal untuk memajukan Sungai Lembing dan Kuantan.

Sebelum tahun 1880, Kuantan dan Sungai Lembing dikenali dengan nama jolokan 'Cinderella Malaya' kerana tiadanya jalan perhubungan, pembangunan yang tidak lengkap, kurang penduduk dan tiada kegiatan industri yang boleh dibanggakan pada masa itu. Sungai Lembing merupakan satu pekan kecil yang membangun dengan kegiatan perlombongan bijih timah yang asalnya diusahakan oleh pengusaha tradisional sebelum diambil alih oleh pihak Inggeris sekitar tahun 1880-an. Pembangunan Sungai Lembing semakin rancak dengan wujudnya kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah dan pertanian tanaman getah sehingga melonjakkan Kuantan sebagai pusat komersial kawasan Pantai Timur Malaya pada masa itu.

Nama Phua Ah Heng J.P. pula muncul ketika itu sebagai antara perintis yang membangunkan Sungai Lembing selain banyak melakukan kerja-kerja amal pada awal tahun 1900. Beliau dilahirkan di Hainan, China pada tahun 1880 dan berhijrah ke Malaya seawal usia sebelas tahun. Beliau telah diambil bekerja sebagai buruh pelatih dan budak suruhan kepada beberapa keluarga Eropah di Malaya. Berbekalkan upah bekerja tersebut beliau berupaya menampung perbelanjaannya untuk mencari kerja di Singapura. Beliau turut melakukan pekerjaan lain seperti bekerja di atas kapal yang belayar ulang-alik antara Singapura dan Port Klang sebelum beliau menetap di Kuantan. Kehidupannya mula berubah setelah beliau dilantik sebagai kontraktor oleh Pahang Consolidated Company Limited (P.C.C.L) di Sungai Lembing.

Selain menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah bagi PCCL, beliau turut terlibat dalam usaha penanaman pokok getah di Kuala Reman Rubber Estate (anak Syarikat P.C.C.L.) di Panching dan Kolek. Perkembangan pesat kegiatan ekonomi timah dan getah telah mendorong pembukaan kawasan baharu iaitu Pekan Panching dan Kolek. Phua kemudiannya turut membuka sebuah kedai yang menjual barang keperluan harian kepada pekerja-pekerja ladang dan orang-orang kampung disitu serta beberapa tempat lain seperti di Pasir Kemudi dan Batu Sawar. Beliau turut berjaya meluaskan kawasan ladang kendaliannya sehingga ke Lembah Jabor, Kuantan.

Antara sumbangan besar Phua Ah Heng termasuklah usaha beliau dalam menyediakan pekerja bagi membina jalan dan landasan keretapi lokomotif antara Sungai Lembing dan Pasir Kemudi. Beliau yang turut dikenali sebagai Towkay (gelaran ketua dalam dialek Hokkien) telah menggunakan wangnya sendiri untuk menyediakan perkhidmatan feri di Terminal Keretapi Pasir Kemudi dan di terminal itulah juga beliau telah menempatkan bot penampang serta menyelia jalan dan jambatan.

Dari tahun 1920 hingga 1941, Phua telah diberi tanggungjawab untuk menjaga operasi kincir wap-air Kapal Api milik P.C.C.L. bagi tujuan ulang alik antara Kuantan dan Pasir Kemudi. Kesemua pengurusan penghantaran barang-barang dari Singapura, pengendalian pengangkutan dari jeti P.C.C.L. di Kuantan ke Sungai Lembing dan sebagainya telah diuruskan oleh beliau sendiri. Pada tahun 1930 beliau telah memulakan perkhidmatan bas yang pertama di antara Kuantan ke Sungai Lembing. Untuk sampai ke Sungai Lembing dari Kuantan perlu ke Tanjung Kobat (Bukit Goh) untuk menaiki bot sehingga ke Batu Sawar sebelum menaiki bas terus ke Sungai Lembing.



Gambar Tokoh Phua Ah Heng J.P.
(Sumber: Koleksi gambar milik anak tokoh iaitu Datuk Phua Cheng Sye)



Majlis Mesyuarat Kerajaan, 1930-an di Istana Terentang, Pekan, Pahang yang dihadiri Tokoh Phua Ah Heng J.P. (berdiri paling kanan).
(Sumber: Encik Wan Johari Bin Wan Mahmud, AJK Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Pahang)

Semasa darurat, Phua turut membantu kerajaan melawan kekejaman pihak komunis. Beliau telah menjadi ahli Persatuan Penduduk Setempat Sungai Lembing (Sungai Lembing Local Committee) dari tahun 1928 hingga 1941 yang bertanggungjawab menjaga kebajikan penduduk Sungai Lembing. Beliau juga menjadi pengasas dan ahli kepada Persatuan Hainan Kuantan-Sungai Lembing (Kuantan and Sungai Lembing Hainanese Association).

Sebagai mengenang jasa Phua Ah Heng J.P. kepada Negeri Pahang, beliau telah dilantik oleh Residen British untuk menjadi ahli dan berkhidmat di dalam Majlis Perundangan Negeri Pahang (Pahang State Legislative Council) pada tahun 1933. Selepas pendudukan Jepun, beliau kemudiannya dilantik menjadi ahli kepada Persatuan Peniaga Cina Kuantan (Chinese Chamber of Commerce) dari tahun 1946 hingga 1953. Semasa darurat iaitu dari tahun 1950 hingga 1955, beliau berkhidmat sebagai ahli kepada Kuantan War Committee (Persatuan Perang Kuantan) dan terlibat dalam memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada penduduk Kampung Baru di sekitar Kuantan dan Sungai Lembing.

Phua Ah Heng turut dianugerahkan Pingat Jaksa Pendamai oleh Sultan Sir Abu Bakar R'iayatuddin al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Sultan Abdullah sebagai tanda penghormatan di atas sumbangan dan jasa beliau kepada Syarikat P.C.C.L. Sungai Lembing dan diberi gelaran Phua Ah Heng J.P. atau J.P. Phua Ah Heng. Beliau meninggal dunia di Kuantan ketika berumur 78 tahun pada tahun 1958. Begitu banyak sumbangannya kepada pembangunan awal dan kemajuan insfranstruktur di Sungai Lembing dan Kuantan. Segala jasa, pengorbanan dan kekentalan beliau haruslah dicontohi supaya masyarakat kini mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara dan bangsa seperti yang ditonjolkan oleh tokoh ini semasa hayatnya.

PROGRAM KERJASAMA PUSPANITA BERSAMA SURAU AL-FALAH JMM


Oleh: Maisaraf binti Marman, Biro Seranta, Penerbitan dan ICT, PUSPANITA JMM



Pada 13 April 2022 dan 21 April 2022, PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Biro Agama dan Kebajikan serta kerjasama Surau Al-Falah telah berjaya melaksanakan program gotong royong memasak bubur lambuk. Sebanyak 300 bekas telah diaghikhan kepada semua kakitangan JMM.



Pada 20 April 2022, PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) serta kerjasama Surau Al-Falah telah melaksanakan program Tadarus & Khatam Al-Quran. Seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan JMM telah menyertai program ini secara fizikal dan seramai 7 orang peserta secara atas talian.



Pada 25 April 2022, PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) serta kerjasama Surau Al-Falah berjaya melaksanakan program Mari Berselawat secara atas talian. Seramai 77 orang telah menyertai program ini.

MESYUARAT AGUNG KALI KE-17 PERSATUAN KEBAJIKAN, REKREASI & SOSIAL (WARIS) JMM SESI 2020-2022 DAN MAJLIS PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA BAHRU BAGI SESI 2022-2024

Oleh: Intan Masayu binti Abdullah, Bahagian Pengurusan Konservasi

Mesyuarat Agung Kali Ke-17 Persatuan Kebajikan, Rekreasi & Sosial (WARIS) JMM bagi sesi 2020-2022 dan Majlis Pelantikan Ahli Jawatankuasa baharu bagi sesi 2022-2024 telah diadakan pada 22 April 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Persidangan Jabatan Muzium Malaysia dan secara dalam talian.

Mesyuarat agung ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kassim selaku Penaung Persatuan Kebajikan, Rekreasi & Sosial (WARIS) JMM merangkap Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia diiringi dengan YBrs. Encik Mohamad Shawali bin Hj. Badi, Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah Permuziuman.

Mesyuarat agung ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Persatuan Kebajikan, Rekreasi & Sosial (WARIS) JMM, Cik Darniza binti Daut@Mohmud. Aturan mesyuarat adalah pengesahan minit mesyuarat dan pembentangan aktiviti dan laporan kewangan oleh Ketua Biro dan Bendahari sepanjang sesi 2020-2022. Kemuncak mesyuarat ialah perlantikan ahli Jawatan Kuasa WARIS yang baru bagi sesi 2022-2024 dan penyerahan tugas oleh Pengerusi lama kepada Pengerusi baru yang dilantik. Tahniah diucapkan kepada peneraju WARIS yang baru dan semua yang dilantik.



MUZIUM@ KOMUNITI MISI BANTUAN BANJIR

Oleh: Sharipah Lok Lok binti Syed Idrus,
Unit Dasar dan Perancangan Strategik

Muzium@Komuniti siri 1/2022 Misi Bantuan Banjir manjuran Persatuan Sosial dan Rekreasi (WARIS) Jabatan Muzium Malaysia telah menggerakkan bantuan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Muda, Shah Alam. Program ini telah diadakan pada 3 Januari 2022 (Isnin) bermula dari jam 7.30 pagi hingga 2.00 petang. Sambutan menggalakkan telah diterima daripada kakitangan JMM dengan jumlah penyertaan seramai 100 orang, Perbadanan Muzium Negeri Selangor seramai 8 orang, Istana Budaya pula dengan wakil dua orang, Kementerian Pendidikan Malaysia serta sukarelawan muzium masing-masing seorang dan guru serta kakitangan sekolah seramai 6 orang.

Jentera misi bantuan banjir ini melibatkan pembahagian 6 kumpulan dengan 12 orang sepasukan. Memandangkan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Muda telah berada di fasa pelan pemulihan, aktiviti yang telah dirancang melibatkan kerja-kerja pemuliharaan dan keceriaan kawasan sekolah. Aktiviti gotong-royong mengecat kawasan sekolah dan menanam pokok bunga merupakan gerak kerja setiap kumpulan. Pihak pengurusan tertinggi JMM yang diketuai oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim dan keluarga, Timbalan Pengarah Permuziuman



Encik Mohd Razaimi bin Hamat dan isteri serta Timbalan Ketua Pengarah Dasar Encik Mohd Shawali bin Haji Badi antara yang turut menyokong dan terlibat secara langsung dalam aktiviti gotong-royong bersama guru dan kakitangan sekolah pada hari tersebut. Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan keluarga turut menyantuni peserta gotong-royong dengan menanam pokok-pokok bunga hiasan menceriakan perkarangan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Muda.

Sebanyak 200 pokok bunga hiasan pelbagai jenis hasil sumbangan pihak Jabatan, pegawai dan staf JMM, telah berjaya ditanam dalam tempoh 4 jam gotong-royong. Selain itu kerja-kerja mengecat perkarangan sekolah, surau, laman kolam dan pasu-pasu bunga hiasan turut jaya dilaksanakan.

Semua yang terlibat amat berpuas hati dengan hasil permuafakatan dan kerjasama yang terjalin dalam mejayakan sesi gotong-royong sehingga selesai.

Muzium bersama komuniti dengan penglibatan sektor kerajaan bersama pihak sekolah berjaya merealisasikan inspirasi nasional Keluarga Malaysia "Yang Berat Sama dipikul yang Ringan Sama Dijinjing".



TAHUKAH ANDA



PENDING/ BUCKLE

Pending diperbuat daripada emas padu merupakan alat kebesaran diraja Kelantan abad ke-18. Permukaannya diukir timbul bermotifkan bunga kiambang dan sulur serta bertatahkan permata. Ia telah disenaraikan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Daftar Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009.



CELEPA DIRAJA TERENGGANU/ ROYAL TERENGGANU TOBACCO BOX

Celepa emas milik keluarga diraja Terengganu sekitar abad ke-18 ini dibentuk bersegi 10. Ia dihiasi dengan ukiran daun sulur dan bijirin emas serta bentuk bunga bertatah permata delima merah di tengahnya. Ia telah disenaraikan sebagai Objek Warisan Ketara di bawah Daftar Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009



APA ITU BAMBUSA WRAYI?

Sumpit adalah sejenis alat untuk memburu yang utama bagi masyarakat Orang Asli. Sumpit ini diperbuat daripada buluh yang mempunyai ruas yang panjang seperti buluh Sewor atau buluh sumpitan nama saintifiknya, *Bambusa wrayi*. Buluh yang panjang ruasnya hampir 3 meter ini dinamakan *Bambusa wrayi* oleh ahli botani di herbarium Royal Botanic Garden, Kew, London yang bernama Otto Stafp bersempena dengan nama Kurator Muzium Perak iaitu Leonard Wray yang menjumpai spesies ini pada tahun 1893. Beliau telah menemui buluh ini di kawasan tanah tinggi Gunung Inas berhampiran daerah Selama, Perak. Namun selepas lebih 100 tahun kemudian iaitu dalam tahun 1993, spesies ini telah dikaji semula dan kini lebih dikenali sebagai *Kinabalucloa wrayi*.



APA ITU RACUN IPOH?

Masyarakat Orang Asli begitu arif dengan penggunaan racun Ipoh untuk mandiri kehidupan mereka. Racun ini adalah sejenis getah daripada pokok Ipoh atau pokok Upas yang juga dikenali dengan nama saintifiknya *Antiaris toxicaria*. Spesies pokok ini telah dikaji dan diberikan nama oleh seorang ahli botani Perancis iaitu Jean-Baptiste Louis Claude Théodore Leschenault de La Tour pada tahun 1810 berdasarkan contoh spesimen dari Indonesia dan Malaya. Lazimnya getah pokok ini akan dilumurkan pada bahagian hujung anak damak sumpit sebagai racun yang mampu membunuh mangsanya dengan serta merta. Penggunaan racun ini turut digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat peribumi di Asia Tenggara.

TA
H
U
K
A
H
A
N
D
A



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA
LANGKAWI



MUZIUM MATANG
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA
JOHOR



MUZIUM LABUAN
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN
LABUAN



MUZIUM LUKUT
NEGERI SEMBILAN

MUZIUM KITA
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255
Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>